

07/01/1997

Komponen BN perlu sepakat mengenai konsensus

KUALA LUMPUR, Isnin - Parti kecil dalam komponen Barisan Nasional (BN) akan berasa hilang kedudukan jika sistem konsensus dalam gabungan itu dikaji semula, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, sistem konsensus yang diamalkan oleh BN bertujuan menjaga kepentingan semua parti komponen.

Sehubungan itu, semua komponen BN harus mencapai kata sepakat untuk menentukan sama ada sistem membuat keputusan berasaskan konsensus dalam BN perlu dikaji semula.

"Untuk tentukan itu juga kita mesti ada konsensus. Kalau konsensus setuju, tak apa. Tetapi saya yakin parti yang kecil akan rasa mereka hilang kedudukan. Tetapi kita boleh bincang," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Kualiti Perdana Menteri 1996 dan merasmikan Simposium kebangsaan MS ISO 9000 di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN diminta mengulas cadangan supaya sistem konsensus yang diamalkan oleh BN dikaji semula bagi memudahkan lebih banyak parti politik menyertainya.

(END)